



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN (DIDIK)			
TARIKH	:	3/4/2017	MUKA SURAT	:	D4
JABATAN	:	JAS / UMUM			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Elak pencemaran laut

Seri Manjung: Kanak-kanak perlu diberi kefahaman bahawa pembuangan sampah dan pencemaran boleh menjejaskan habitat hidupan laut.

Guru Besar Sekolah Kebangsaan (SK) Bandar Behrang 2020, Tanjung Malim, Perak, Puan Noraishah Yunan, berkata, perubahan cuaca dan pembangunan tidak lestari juga akan mengancam spesies ikan dan penyu.

Lawatan ke pusat pemuliharaan haiwan, katanya, dapat memupuk kesedaran dan melahirkan minat kanak-kanak dalam penjagaan alam sekitar.

"Lawatan ini adalah kaedah pembelajaran yang amat berkesan kepada kanak-kanak," katanya dalam lawatan ke Pusat Penetasan Penyu Segari, dekat sini.

Pengalaman berguna

Kira-kira 40 orang murid sekolah berkenaan menyertai lawatan itu.

Lawatan diketuai Pengerusi Pertubuhan Konservasi Alam Malaysia, Dr Santharasekaran Subramaniam

Dr Santharasekaran berkata, lawatan itu memberi pengalaman amat berguna kepada kanak-kanak berkenaan kerana mereka dapat melihat dan memegang sendiri anak-anak penyu yang dipulihara di pusat itu.

Katanya, terdapat dua spesies penyu yang mendarat di Pusat Penetasan Penyu Segari, iaitu penyu Agar dan penyu Lipas.

"Penyu-penyu ini mendarat pada sekitar bulan Mac hingga Julai setiap tahun," katanya.

Glosari

- Habitat
→ tempat tinggal
- Spesies
→ golongan haiwan
- Lestari
→ kekal/tetap

Murid SK Bandar Behrang dapat melihat sendiri anak-anak penyu di dalam air.

